



Tan Teng Boo.

ICAP cadang tubuh Pelan Pelaburan Semula Dividen pada EGM

KUALA LUMPUR: icapital.biz Bhd

(ICAP), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Bursa Malaysia akan mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) secara maya Jumaat ini untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penubuhan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP).

Individu Yang Dilantik ICAP, Tan Teng Boo, berkata pihaknya menggalakkan semua pemegang saham untuk menghadiri EGM secara maya dan memberi kelulusan mereka untuk DRP.

Beliau berkata, pihaknya sedia maklum bahawa majoriti pemegang saham ICAP melabur dalam sahamnya kerana peningkatan modal jangka panjang.

"Kami mengambil berat mengenai perkara ini, dan ini tertanam dalam penggubalan DRP dan dasar dividen kami," katanya dalam satu kenyataan.

Teng Boo berkata, DRP menyokong agenda utama pihaknya iaitu peningkatan modal jangka panjang ICAP.

Beliau berkata, pada masa yang sama, dasar dividen inovatif telah dirancang dengan matlamat untuk memperbaiki secara automatik diskaun harga saham NAB tanpa menjelaskan falsafah pelaburan dana.

"Oleh itu, jika DRP diluluskan, pemegang saham akan memperoleh kedua-dua cara - anda mendapat dividen serta peningkatan modal," katanya.

DRP yang dicadangkan akan berjalan selaras dengan dasar dividen ICAP, yang digubal setelah bertahun berusaha keras dan diperkenalkan pada 29 September 2023.

ICAP telah memperkenalkan dasar dividen itu untuk mengecilkan diskaun antara harga saham ICAP dan NAB sesahamnya secara proaktif.

Dasar dividen ICAP, yang pertama seumpamanya di peringkat global, tertakluk kepada keadaan pasaran dan ekonomi serta falsafah pelaburan nilai pelaburan ICAP.

Secara ringkasnya, dasar dividen inovatif itu terdiri daripada agregat Kadar Asas satu peratus dan Kadar Tambah Nilai lapan peratus.

Pada 2 Oktober 2023, ICAP mengumumkan pengenalan DRP untuk membolehkan pemegang saham mempunyai pilihan untuk melabur semula dividen mereka ke dalam saham ICAP baharu tanpa menanggung kos transaksi material.

Dasar dividen ICAP dan cadangan DRP berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk membawa kembali harga saham ICAP ke dagangan pada premium kepada NAB dananya -- sama seperti yang berlaku pada tiga tahun pertama ICAP sebagai syarikat tersenarai -- atau sekurang-kurangnya berdagang pada tahap rasional.

Sehingga 20 Disember 2023, jumlah NAB bersih ICAP berjumlah RM494.2 juta dengan 140 juta saham terkumpul.